



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
NEGERI KELANTAN

KENYATAAN SEBUT HARGA  
(JBPM/KN/11/2023) & (JBPM/KN/12/2023)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

| Jabatan   | Tajuk Sebut Harga   | Taraf/ Jenis Syarikat/ Kod Bidang Pendaftaran   | Tarikh, Masa Dan Tempat Taklimat  |
|---|---|---|---|
| JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI KELANTAN | <p>1. KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MEMBAIKPULIH PAGAR KORIDOR, PINTU, SISTEM PAIP 12 UNIT KUARTERS BBP PENGKALAN KUBOR DAN KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MEMBAIKPULIH PINTU, TINGKAP, BINGKAI, SISTEM PAIP SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN 10 UNIT KUARTERS BBP TUMPAT NEGERI KELANTAN</p> <p>Dan</p> <p>2. KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MEMBAIKPULIH SISTEM ELEKTRIKAL 12 UNIT KUARTERS BBP PENGKALAN KUBOR DAN 10 UNIT KUARTERS BBP TUMPAT KELANTAN</p> | <p>Gred:<br/><b>G2&amp;G1</b></p> <p>Kategori:<br/><b>B&amp;E</b></p> <p>Pengkhususan<br/><b>B04&amp;E11</b></p> <p>(Sijil/ Lesen hendaklah masih dalam tempoh sah laku sehingga tempoh siap kerja)</p> | <p><u>Taklimat dan Lawatan Tapak</u></p> <p>Kehadiran : <b>DIWAJIBKAN</b></p> <p>Tarikh : 09HB MEI 2023 (SELASA)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat : Balai Bomba dan Penyelamat Tumpat, Jln Tumpat, Kampung Ketil, 16200 Tumpat, Kelantan</p> <p>* <b>KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA DI DALAM PERAKUAN PENDAFTARAN SAHAJA.</b></p> |

2. Dokumen Sebutharga akan **DIEMAILKAN** kepada tuan-tuan selewat-lewatnya 3 hari selepas selesai seisi taklimat. Mohon lengkapkan **alamat email yang betul dan lengkap** semasa kehadiran taklimat/lawatan tapak. Pastikan alamat email tersebut adalah berstatus **AKTIF**.

3. Sijil asal Pendaftaran Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perakuan Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) hendaklah **masih dalam tempoh sahlaku** dan hendaklah dikemukakan semasa kehadiran untuk taklimat/ lawatan tapak. **Dokumen sebutharga tidak akan dikeluarkan kepada mereka yang gagal mengemukakan alamat email yang tepat.**

4. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi dan memenuhi semua syarat seperti arahan kepada penyebut harga Bil. **JBPM/KN/11/2023 & JBPM/KN/12/2023** masing-masing hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakfi dengan mencatatkan **Tajuk dan Nombor Sebut Harga** di penjurukan sampul surat. Dokumen Sebut Harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang telah ditetapkan di **Cawangan Pengurusan Kewangan, Tingkat 2 Utara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Kelantan** sebelum atau pada pukul **12.00 tengah hari, 18 MEI 2023 (Khamis)**. Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

Tarikh : 03/05/2023

